

**GARIS PANDUAN PERTANDINGAN INOVASI 2016
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

PERKARA :

Pertandingan Inovasi, Majlis Perbandaran Kajang

DISELARASKAN OLEH :

Unit Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan.

KUMPULAN SASAR :

Seluruh Warga Kerja Majlis Perbandaran Kajang
(Individu / Berpasukan)

MATLAMAT :

Berkongsi dan menggunakan bersama idea-idea kreatif yang dicadangkan bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan mutu kerja Majlis Perbandaran Kajang serta menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan anggota kerja di samping memupuk semangat kerjasama dalam menyumbang idea ke arah memperkenalkan lebih banyak lagi inovasi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan atau keluaran yang dihasilkan oleh MPKj secara amnya.

OBJEKTIF :

Inovasi boleh ditafsirkan sebagai cetusan idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Oleh itu, Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau untuk diadaptasi serta digunakan mengikut keperluan Jabatan/agensi. Dengan memiliki daya kreativiti dan inovasi yang tinggi, jabatan dapat meningkatkan kecekapan dalam operasi masing-masing dan membolehkan kerja-kerja dijalankan dengan lebih lancar, berkesan dan berkualiti

TARIKH TUTUP :

29hb April 2016

TARIKH PEMBENTANGAN :

Bulan Jun 2016

Syarat-syarat :

1. Terbuka kepada semua Kakitangan dan Jabatan di MPKJ.
2. Setiap Inovasi yang dikemukakan hendaklah disertai dengan penerangan yang jelas dan tepat.
3. Penciptaan Inovasi mestilah karya asli (panel penilai berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati tidak asli)
4. Idea-idea yang hendak disampaikan mestilah berkenaan seperti perkara-perkara berikut:
 - Untuk mempercepatkan dan memudahkan sistem, proses kerja dan peraturan yang diguna pakai agar ianya menjadi lebih cekap dan berkesan.
 - Untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah kerja yang ada.
 - Untuk meningkatkan produktiviti dan menjimatkan kos serta masa sesuatu perkhidmatan yang dapat meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan.
 - Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan dapat melaksanakan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan secara konsisten.
 - Berpotensi untuk digunapakai oleh bahagian/jabatan